

23/11/1998

YTL kekal industri pelancongan

Dzulkfley Zanudin; Kamarulzaman Pid

YTL Corporation Bhd (YTL) akan terus terbabit dalam industri pelancongan bagi membantu kerajaan menarik masuk mata wang asing selain mengukuhkan pendapatan kumpulan pada masa depan.

Pengarah Eksekutifnya, Mark Yeoh, berkata kejayaan kumpulan itu memajukan pulau peranginan persendirian di Pulau Pangkor Laut menerusi Pangkor Laut Resort adalah bukti kepentingan industri itu.

Malah, katanya, langkah YTL memajukan resort berkenaan sejak 1985 sebelum dibangunkan semula pada 1994 turut memajukan industri pelancongan secara keseluruhan di Pulau Pangkor dan sekitarnya menerusi perkembangan banyak industri hiliran berkaitan.

YTL juga banyak menghargai buah fikiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi membangunkan resort itu menggunakan konsep mesra alam dengan mengutamakan kedudukan hutan tua berusia dua juta tahun di pulau itu.

"Pangkor Laut Resort berjaya menarik lebih 50,000 pelancong setahun sejak dibangunkan semula pada 1994 serta memenangi banyak anugerah termasuk Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Perdana Menteri dan anugerah pelancongan antarabangsa," katanya di perasmian resort terbaru, Marina Bay di Pulau Pangkor Laut petang kelmarin.

Perasmian pusat peranginan mewah berharga RM50 juta itu disempurnakan Dr Mahathir. Hadir sama isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib dan isteri, Puan Sri Raja Noora Ashikin Raja Abdullah dan Pengarah Urusan YTL, Tan Sri Francis Yeoh.

Marina Bay di utara Pulau Pangkor Laut dibangunkan sejak 1995 mempunyai sembilan estet dengan setiap satu menawarkan kadar sewa antara RM5,700 dan RM9,500 semalam.

Setiap estet mempunyai dua hingga empat bilik tidur, ruang makan, tempat beristirehat dan kolam renang.

Menurut Yeoh, Marina Bay, iaitu projek pembangunan resort terbaru di pulau itu mampu memperkenalkan pulau itu dan Malaysia sebagai destinasi percutian utama dunia.

Beliau berkata, YTL yang terbabit dalam industri pelancongan sejak 1985 turut mengusahakan projek kereta api mewah Eastern & Oriental Express serta Hotel Ritz-Carlton, Kuala Lumpur.

Kumpulan itu, katanya, berjaya melaksanakan projek itu termasuk memanfaatkan pejabat jualannya di London, Los Angeles, Cape Town dan Tokyo bagi memperkenalkan lagi resort dan projek pelancongannya itu.

Sementara itu, Dr Mahathir dalam ucapan ringkasnya berkata Malaysia memerlukan lebih banyak resort pelancongan untuk menarik kedatangan pelancong asing ke negara ini.

Katanya, pelancong asing pasti ingin menginap lama di negara ini jika mereka boleh menikmati kemudahan penginapan yang selesa, terutama di tengah alam atau hutan semula jadi.

Mengenai Marina Bay, katanya, walaupun bayaran penginapan di resort itu agak mahal dan hanya mampu didiami golongan berada, pelancong asing pasti datang untuk menikmati pengalaman menarik tinggal dalam estet mewah seumpama itu.

Selain dibina di tengah-tengah hutan berusia dua juta tahun, pengunjung juga boleh menikmati pemandangan indah serta berpeluang melihat helang, kenyalang dan merak yang mendiami hutan itu.

(END)